



SIARAN MEDIA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT FARDU BERJEMAAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, setelah menimbangkan sembah nasihat daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, dan setelah merujuk garis panduan Majlis Keselamatan Negara serta Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan ini menzahirkan titah perkenan berikut:

1. Solat Jumaat

- 1.1 Mulai hari Jumaat, **20 Syawal 1441H**, bersamaan **12 Jun 2020**, bilangan jemaah yang dibenarkan menghadiri Solat Jumaat di masjid dan surau diri Jumaat ialah seramai **40 orang** ahli Jumaat (أهل الجمعة), tidak termasuk pegawai masjid dan Ahli Jawatankuasa Kariah.
- 1.2 Kehadiran menunaikan Solat Jumaat, pada masa ini hanya dibenarkan kepada warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat hendaklah disemak dan direkodkan sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.

2. Solat Fardu Berjemaah

- 2.1 Mulai solat Subuh, hari Jumaat **20 Syawal 1441H**, bersamaan **12 Jun 2020**, solat berjemaah pada setiap solat fardu dibenarkan untuk diadakan di semua masjid dan surau di negeri Perak.

- 2.2 Bilangan ahli jemaah melaksanakan solat berjemaah pada setiap solat fardu di masjid dan surau hendaklah tidak melebihi **40 orang**, tidak termasuk pegawai masjid dan ahli Jawatankuasa Kariah.
- 2.3 Ahli jemaah yang dibenarkan hadir untuk bersolat jemaah, pada masa ini hanyalah dalam kalangan warganegara Malaysia. Identiti para jemaah yang datang untuk bersolat jemaah hendaklah disemak dan direkod sebelum dibenarkan masuk ke ruang solat.
3. Penggunaan masjid, surau diri Jumaat dan surau untuk pelaksanaan Solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu, hendaklah mematuhi sepenuhnya garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Jabatan Agama Islam Perak akan mengeluarkan satu garis panduan dan kaedah terkini pelaksanaan Solat Jumaat dan solat berjemaah pada setiap solat fardu kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Kariah masjid dan surau di negeri Perak dan selanjutnya menyelia dan memastikan garis panduan tersebut dipatuhi.

Arahan dan ketetapan ini hendaklah terpakai dan berkuat kuasa serta-merta sehingga dikeluarkan apa-apa arahan baharu daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
18 Syawal 1441H / 10 Jun 2020